



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### **KPWKM HARAP LEBIH BANYAK SEKTOR SWASTA, NGO DAN KOMUNITI MELAKSANAKAN PROGRAM KESEJAHTERAAN KELUARGA**

**KUALA LUMPUR, 16 NOV** – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berharap agar lebih banyak sektor swasta, NGO dan komuniti supaya melaksanakan program kesejahteraan keluarga mengikut kapasiti masing-masing. Saranan tersebut disampaikan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa merasmikan Kem KASIH Keluarga di Pantai Pugu, Lundu, Sarawak.

Beliau juga menyatakan bahawa majikan yang melaksanakan hari keluarga dan aktiviti kekeluargaan di tempat kerja layak mendapatkan pelepasan cukai. Sebelum ini kerajaan telah menetapkan Hari Keluarga untuk dijadikan sebagai acara tetap tahunan di semua Kementerian dan Agensi peringkat persekutuan dan negeri bagi memperluaskan sambutan November sebagai Bulan Keluarga Kebangsaan.

Berdasarkan Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga 2022 (IKK 2022), kesejahteraan keluarga di Malaysia adalah pada tahap sederhana tinggi dengan catatan skor 7.93 daripada skala maksimum 10. Indeks ini mencatatkan peningkatan berbanding indeks pada tahun 2019 dengan catatan skor 7.72. Bagi Negeri Sarawak skor yang dicatatkan ialah 7.82 iaitu berada pada tahap sederhana berbanding 7.78 pada tahun 2019. Untuk makluman, penilaian Skor IKK ini adalah merangkumi Domain Hubungan Kekeluargaan, Domain Ekonomi Keluarga, Domain Kesihatan Keluarga, Domain Keselamatan Keluarga, Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti, Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian, Domain Perumahan dan Persekitaran, dan akhir sekali Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi.

Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan merupakan salah satu usaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) bagi mengembeling peranan semua pihak untuk membangunkan institusi kekeluargaan yang berdaya tahan dan sejahtera.

Kem KASIH Keluarga yang berlangsung selama dua hari berkonsepkan **KASIH family vacation** berbentuk pengisian *edutainment (education and entertainment)* melibatkan pelbagai aktiviti santai kerohanian, kemasyarakatan, kesihatan, kesenian dan kebudayaan. Peserta juga berpeluang menyertai beberapa pertandingan yang telah diadakan semasa Program Perkemahan Keluarga ini, antaranya Pertandingan Khemah tercantik, Istana Pasir Tercantik, Pertandingan Video Memasang Khemah Paling Kreatif dan Gambar Terbaik “*Guided Sunrise Hunting*”. Dianggarkan lebih kurang 210 buah khemah dengan penyertaan seramai 1000 orang peserta dari dalam dan luar Negeri Sarawak.

Turut hadir YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWK, YBhg. Dato Sri Rohani Abdul Karim, Pengerusi LPPKN dan YBrs. Tuan Haji Abdul Shukur Abdullah, Ketua Pengarah LPPKN dan pegawai-pegawai kanan Kementerian dan Agensi.

###

**Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat  
16 November 2024**